

7 TABIAT BURUK TADBIR URUS

- **Penafian (*Denial*)**
Pihak kerajaan tidak seharusnya menafikan kebenaran dakwaan terhadap kelemahan tadbir urus yang dilaksanakan, sebaliknya mengakui kelemahan mereka dan mengambil langkah proaktif memperbaiki kelemahan tersebut.
- **Sombong (*Arrogance*)**
Penjawat awam haruslah mempamerkan sikap mesra pelanggan.
- **Myopia**
Penjawat awam perlu berfikiran lebih terbuka dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam urusan pekerjaan.
- **Nilai (*Value*)**
Penjawat awam hendaklah menjalankan tugas dengan penuh akauntabiliti.
- **Kebergantungan terhadap orang lain (*Competency Dependency*)**
Masalah utama dalam perkhidmatan awam ialah kekerapan bekerja secara “silo”. Seharusnya jika terdapat sesuatu isu yang timbul dalam sesebuah kementerian, isu itu boleh diselesaikan secara bersama dengan kementerian atau agensi lain.
- **Mudah berpuas hati (*Complacency*)**
Penjawat awam tidak seharusnya mudah berpuas hati dengan pencapaian sedia ada, sebaliknya perlu meningkatkan mutu perkhidmatan mereka seiring dengan perubahan sekeliling.
- **Territorial Impulse**
Perkhidmatan awam perlu bekerja dalam satu pasukan dan menjauhi amalan berpuak-puak.